



DR. MAHATHIR MOHAMAD (kiri) berbual bersama Suria Hassan ketika berkunjung ke Kompleks Pekan Rabu sempena Ramadan di Alor Setar, Kedah semalam. -UTUSAN/FARIZ RUSADIO

Putu kacang, karas pilihan Tun M di Pekan Rabu

ALOR SETAR 26 Mei - Kuih putu kacang dan karas yang dijual di gerai Warisan Mak Chah di Kompleks Pekan Rabu di sini menjadi pilihan utama Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad dan isteri Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali setiap kali menjelang perayaan Aidilfitri.

Peniaga gerai itu Suria Hassan, 49, berkata apabila bulan Ramadan pemimpin nombor satu negara itu serta isterinya tidak akan terlepas membeli dua jenis kuih itu di gerainya sejak tahun 80-an lagi.

"Setiap kali bulan puasa, Tun

Dr. Mahathir dan isteri pasti 'mai' gerai sini beli kuih ini bersama kuih lain, dah lama mereka 'mai' beli sini sejak arwah tok (nenek) saya lagi berniaga," katanya kepada pemberita selepas dikunjungi Perdana Menteri dan isteri di gerainya di sini, hari ini.

Dr. Mahathir yang tiba di Kompleks Pekan Rabu secara berasingan dengan isteri beliau pada 11.06 pagi meluangkan masa kira-kira 20 minit meninjau kompleks itu. Turut mengiringi beliau adalah Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu.